



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI KUARANTIN HAIWAN



DVS/KAKH/07/2019



# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI KUARANTIN HAIWAN

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603 8888 8685  
E-mel : pro@dvs.gov.my

Edisi Pertama : 2019  
Edisi Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, samaada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

## ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	2
6.0	TANGGUNGJAWAB OPERATOR KUARANTIN HAIWAN	2
7.0	INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS KUARANTIN HAIWAN	3
8.0	BIOSEKURITI	5
9.0	PENGURUSAN KUARANTIN HAIWAN	6
10.0	PENGURUSAN KESIHATAN HAIWAN	8
11.0	SENAMAN	9
12.0	PENGANGKUTAN	9
13.0	RUJUKAN	9
14.0	LAMPIRAN	10

## **KATA PENGANTAR**

### **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR**

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

**DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**  
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
**Malaysia**

# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI KUARANTIN HAIWAN

## 1.0 PENDAHULUAN

Kebajikan haiwan perlu di utamakan pada setiap masa semasa kuarantin haiwan. Pengurusan kuarantin haiwan perlu mengutamakan unsur-unsur kebajikan haiwan.

Lima (5) keperluan haiwan yang perlu dipenuhi seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 24, Akta Kebajikan Haiwan 2015 adalah:-

- I. Keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- II. Keperluannya untuk diet yang sesuai;
- III. Keperluannya untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuannya yang semula jadi;
- IV. Keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- V. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan atau penyakit.

KAKH ini perlu dipatuhi oleh semua agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam aktiviti di atas.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini menggariskan panduan kepada sesiapa yang menjalankan kuarantin haiwan. Ianya perlu dipatuhi oleh operator kuarantin haiwan. Ianya bertujuan bagi memastikan kebajikan haiwan dipatuhi pada setiap masa semasa kuarantin haiwan.

## 2.0 OBJEKTIF

- a. Memastikan haiwan kuarantin diurus dengan beretika dan kebajikannya terpelihara.
- b. Memastikan kuarantin haiwan mempunyai kemudahan asas yang lengkap dan tenaga kerja yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti kuarantin.

### 3.0 SKOP

KAKH ini menjelaskan amalan baik dan keperluan piawai minima yang perlu dipatuhi dari aspek kemudahan kuarantin, biosekuriti dan pengurusan kuarantin haiwan.

### 4.0 DEFINISI

#### 4.1 Kuarantin Haiwan

Kuarantin adalah pengasingan haiwan sama ada dalam sangkar individu atau kawasan bagi tujuan:

- a. kawalan penyakit bagi haiwan import dan eksport;
- b. kawalan wabak penyakit.

#### 4.2 Operator

Mana-mana orang termasuk organisasi yang terlibat yang mengusahakan kuarantin haiwan

### 5.0 KATA SINGKATAN

5.1 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar

5.2 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan

5.3 MAQIS - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

5.4 PBV - Pihak Berkuasa Veterinar

### 6.0 TANGGUNGJAWAB OPERATOR KUARANTIN HAIWAN

Operator kuarantin haiwan adalah bertanggungjawab untuk :

- 6.1 menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas yang sesuai dengan keperluan fizikal dan tingkah laku haiwan yang dikuarantin;
- 6.2 melindungi haiwan dari sebarang keadaan persekitaran yang boleh mendatangkan bahaya;

- 6.3 menyediakan ruang yang mencukupi untuk haiwan berdiri, bergerak dengan bebas, meregang dengan sepenuhnya (*stretch fully*) berehat;
- 6.4 memberi makanan dan air yang mencukupi bagi mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan haiwan;
- 6.5 melindungi haiwan daripada penyakit, ketidakselesaan dan kecederaan
- 6.6 memastikan kebersihan kuarantin haiwan dan kesejahteraan haiwan terpelihara;
- 6.7 menyediakan, mengemaskini dan menyimpan rekod berkaitan pengurusan haiwan di kuarantin haiwan;
- 6.8 melantik doktor veterinar berdaftar untuk memantau, memberi khidmat veterinar dan menjalankan rawatan yang bersesuaian di kuarantin haiwan; dan
- 6.9 memastikan pekerja mempunyai pengetahuan asas dalam aspek berikut:-
  - a) kebajikan haiwan;
  - b) pemakanan haiwan;
  - c) berupaya memastikan haiwan bebas daripada sebarang kecederaan yang disebabkan oleh haiwan lain atau manusia;
  - d) kebersihan dan sanitari kuarantin haiwan; dan
  - e) berupaya mengenal pasti tanda-tanda klinikal penyakit-penyakit haiwan.

## 7.0 INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS KUARANTIN HAIWAN

Infrastruktur dan kemudahan asas kuarantin haiwan hendaklah menepati kebajikan haiwan.

- 7.1 Kandang haiwan  
Perlu dibina dengan menggunakan bahan-bahan yang kukuh seperti tiang yang kukuh dan konkrit bagi mengelakkan kecederaan kepada ternakan.
- 7.2 Lantai kandang  
Mestilah dipastikan tidak licin untuk mengelak haiwan tergelincir serta memudahkan basuhan dan mempunyai kecerunan yang menghalang air daripada bertakung.



- 7.3 Teduhan haiwan  
Berbumbung untuk melindungi haiwan dari hujan, panas melampau, angin dan kesejukan.
- 7.4 Keluasan kuarantin haiwan  
Keluasan ruang untuk menempatkan haiwan adalah mengikut jadual seperti di Lampiran 1.
- 7.5 Pengudaraan kuarantin haiwan  
Kuarantin haiwan perlu dibina atau direka bentuk agar pengudaraan adalah baik bagi kesejahteraan haiwan dan juga untuk menjamin kesihatan haiwan.
- 7.6 Celung dan penghimpit  
Celung dan penghimpit perlu disediakan di setiap sisi laluan keluar haiwan untuk memudahkan aktiviti kesihatan gerompok dan juga pengambilan sampel darah tanpa mencederakan haiwan.
- 7.7 Tangga untuk pemunggaran haiwan  
Kemudahan tangga sekiranya perlu disediakan untuk tujuan pemunggaran, haruslah mempunyai kecerunan tidak lebih daripada 20° dan perlu diperbuat daripada bahan yang tidak boleh mencederakan haiwan.
- 7.8 Ruang rawatan  
Mestilah disediakan terasing dari haiwan sihat untuk tujuan rawatan dan pemantauan.
- 7.9 Ruang post-mortem  
Perlu diasingkan daripada kandang utama.
- 7.10 Kawasan pelupusan bangkai  
Bangkai haiwan hendaklah ditanam atau dilupus di kawasan yang terasing daripada kandang utama.
- 7.11 Kaedah atau kawasan pelupusan najis  
Mestilah sesuai bagi memastikan air kumbahan dan air basuhan diurus dengan baik dan tidak mencemarkan persekitaran.
- 7.12 Bekalan air  
Bekalan air bersih hendaklah disediakan setiap masa.

- 7.13 Bekalan elektrik  
Bekalan elektrik perlu disediakan bagi kemudahan pemeriksaan atau rawatan haiwan di waktu malam atau semasa kecemasan.
- 7.14 Peti Kecemasan  
Peti kecemasan untuk rawatan haiwan semasa kecemasan seperti di **Lampiran 2**.
- 7.15 Persiapan Kecemasan kebakaran  
Mestilah mempunyai persiapan minima yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di **Lampiran 3**.

## 8.0 BIOSEKURITI

Biosekuriti asas kuarantin haiwan hendaklah menepati kebajikan supaya selamat dari kemasukan agen penyakit kepada haiwan kuarantin.

- 8.1 Lokasi
  - a) Hendaklah terletak berjauhan daripada kawasan kumpulan haiwan lain.
  - b) Terletak di tempat yang mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air.
  - c) Terletak di kawasan yang tidak mudah dinaiki banjir.
- 8.2 Pagar perimeter  
Mempunyai pagar perimeter yang kukuh dan tidak menyebabkan kecederaan kepada haiwan dengan ketinggian minimum 1.8 m. Jika dawai besi digunakan, diameter dawai hendaklah tidak kurang dari 2 mm ketebalan.
- 8.3 Pintu Masuk/Keluar Kuarantin haiwan  
Kuarantin haiwan perlu mempunyai satu pintu masuk atau keluar sahaja. Kebenaran masuk perlu diberi kepada yang berkenaan sahaja bagi tujuan kawalan penyakit dan keselamatan haiwan.
- 8.4 Takungan Pencelup Tayar dan Pencelup Kaki (*Vehicle Dip / Foot Dip*)  
Takungan pencelup tayar dan pencelup kaki perlu disediakan di pintu masuk utama kuarantin haiwan untuk tujuan nyahkuman.

## 9.0 PENGURUSAN KUARANTIN HAIWAN

### 9.1 Kompetensi Operator Kuarantin Haiwan

Operator kuarantin haiwan perlu mempunyai pengetahuan asas mengenai;

- a) kebajikan haiwan di kuarantin;
- b) pemakanan haiwan;
- c) memastikan dan mengenal pasti haiwan bebas daripada sebarang kecederaan;
- d) biosekuriti kuarantin haiwan;
- e) kebersihan dan sanitari kuarantin haiwan; dan
- f) mengenal pasti tanda-tanda klinikal/simptom penyakit-penyakit umum haiwan.

### 9.2 Bekalan Minuman dan Makanan Haiwan

- a) Air yang bersih perlu disediakan pada setiap masa.
- b) Haiwan perlu diberi makanan yang:-

- i. sesuai dengan spesies haiwan dan bernutrisi;
- ii. memenuhi keperluan diet, status fisiologi serta peringkat umur haiwan; dan
- iii. tidak rosak, basi, berkulat, tercemar atau telah luput tarikhnya.

- c) Makanan yang mencukupi perlu disediakan setiap hari. Sekiranya palung makanan digunakan, operator kuarantin haiwan perlu memastikan bilangan palung makanan dan minuman/ruang makanan yang disediakan perlu bersesuaian dengan bilangan haiwan.

### 9.3 Kebersihan Kuarantin Haiwan

Kawasan kuarantin haiwan hendaklah sentiasa dibersihkan dan dibasmi kuman mengikut kesesuaian. Kuarantin haiwan hendaklah dikosongkan dengan memberi masa sekurang-kurangnya 3 hari di antara satu kumpulan haiwan dengan kumpulan haiwan berikutnya untuk kerja-kerja pembersihan dan basmi kuman untuk mengelakkan penyebaran penyakit kepada kumpulan haiwan baru. Kawalan makhluk perosak perlu dijalankan di seluruh kawasan kuarantin haiwan secara rutin.

#### 9.4 Rekod

Rekod hendaklah disediakan, dikemaskini dan disimpan dalam keadaan baik merangkumi maklumat-maklumat seperti:

##### a) Maklumat asas haiwan:

- i. Nama
- ii. Jenis, baka dan warna
- iii. Jantina
- iv. Nombor mikrocip/RFID/Tag
- v. Umur/tarikh lahir
- vi. Ciri-ciri khas (special features)
- vii. Pedigri (maklumat induk dan pejantan) Pedigri (maklumat induk dan pejantan)

##### b) Rekod kesihatan

- i. Status vaksinasi dan rawatan cacing (deworming)
- ii. Rekod rawatan kesihatan yang lepas
- iii. Keperluan diet khas
- iv. Maklumat status penyakit genetik/diwarisi
- v. Suhu badan
- vi. Berat badan semasa penerimaan

##### c) Rekod harian

- i. Pemeriksaan harian seperti selera makan, pembuangan najis dan air kencing
- ii. Sanitasi
- iii. Kerja-kerja pembasmian kuman
- iv. Kematian haiwan (Perlu dilakukan bedah siasat)

##### d) Rekod pelawat

- i. Nama pelawat
- ii. Tarikh dan masa lawatan
- iii. Tujuan lawatan

##### e) Rekod keluar masuk haiwan

## 10. PENGURUSAN KESIHATAN HAIWAN

### 10.1 Pencegahan penyakit

Haiwan perlu dinyahkutuk, dinyahcacing dan divaksinasi dengan vaksin asas (core vaccine) serta persampelan darah untuk tujuan pemantauan penyakit mengikut keperluan. Vaksin asas (core vaccine) mengikut jadual seperti di **Lampiran 4**.

### 10.2 Pemerhatian dan Pemeriksaan Kesihatan

Haiwan hendaklah diperhatikan tanda-tanda penyakit sekurang-kurangnya satu (1) kali sehari.

- a) Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda penyakit hendaklah dibuat pemeriksaan bagi tindakan susulan.
- b) Haiwan yang cedera perlu diasingkan dan dirawat dengan segera bagi mengurangkan kesengsaraan pada haiwan.

### 10.3 Petak, bilik atau sangkar asingan

- a) Haiwan yang disyaki atau mempunyai penyakit berjangkit yang boleh dirawat hendaklah diasingkan di petak, bilik atau sangkar asingan.
- b) Semua peralatan yang digunakan dalam petak, bilik atau sangkar asingan hendaklah dikhususkan untuk penggunaan dalam asingan sahaja.
- c) Operator hendaklah mencuci dan menyahkuman sebelum dan selepas masuk ke dalam petak, bilik atau sangkar asingan.
- d) Operator hendaklah menguruskan haiwan yang sihat terlebih dahulu sebelum memasuki petak, bilik atau sangkar asingan.

### 10.4 Pengurusan haiwan yang tenat

Pengurusan haiwan yang tenat boleh diuruskan mengikut pelbagai kaedah dan kebenaran seperti:

- a) eutanasia hendaklah dijalankan dibawah arahan dan pemantauan doktor veterinar berdaftar.
- b) disembelih di abatoir yang diiktiraf oleh DVS dengan kebenaran PBV; atau
- c) dimatikan mengikut kaedah amalan kebajikan haiwan dibawah arahan dan pemantauan doktor veterinar berdaftar.

## 11.0 SENAMAN

Kemudahan ruang yang mencukupi untuk bergerak dan berlegar.

## 12.0 PENGANGKUTAN

Pengangkutan haiwan dari pintu masuk dan perlepasan haiwan keluar dari kuarantin haiwan hendaklah mengikut panduan yang digariskan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

## 13.0 RUJUKAN

- 13.1 Good Animal Husbandry Practice for Pets and Exotic Animal (DVS Malaysia)
- 13.2 WSAVA Vaccination-Guidelines
- 13.3 Agriculture.ny.gov-small animals minimum space require for dogs
- 13.4 Regulations for the importation of dogs and cats from the non-scheduled countries into Malaysia
- 13.5 Importation of dogs, cats and other mammal's order 1974, Department for Environment, Food and Rural Affairs, Scottish Government
- 13.6 Floor space requirement-Livestock Farm Practice

**Lampiran 1**

**SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN  
RUMINAN, BUKAN RUMINAN & UNGGAS**

Spesies	Keluasan minimum lantai (cm <sup>2</sup> )*/seekor
Lembu / Kerbau	33,000
Lembu Tenusu	40,000
Kambing / Bebiri	15,000
Kuda	120,000
Babi	60,000
Ayam	2,500
Ayam Belanda	6,500
Itik	5,500

**SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN**

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/  
pen ini untuk maksimum 4 minggu)

Jenis haiwan	Keluasan lantai minimum (cm <sup>2</sup> )	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>ANJING</b>					
<b>anak anjing (8-16 minggu)</b>					
kurang dari 3 kg	6,000	60	50	4	1,500
lebih 3 kg	6,000	60	50	2	3,000
<b>dewasa (ketinggian)</b>					
kurang dari 40 cm	15,000	90	Tinggi	1	10,000
40 - 70 cm	24,000	100	15cm dari	1	12,000
lebih 70 cm	35,000	120	hujung	1	17,000
<b>dewasa (ketinggian)</b>					
ibu menyusui	35,000	120	hujung	1	17,000
anak menyusui			atas		4,000
			sangkar		

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm <sup>2</sup> )	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>KUCING</b>					
anak kucing (8 - 12 minggu)	6,000	60	50	4	1,500
dewasa	6,000	60	50	1	
<b>ARNAB</b>					
anak (6 - 12 minggu)	6,000	60	50	6	300
dewasa	6,000	60	50	2	600
<b>GUINEA PIGS</b>	2,500	50	40	4	600
<b>TIKUS</b>	600	20	20	2	300
<b>ULAR</b>					
sehingga 100 cm	2,000	45	35	2	1,000
100 - 250 cm	4,500	50	50	2	2,250
250 - 400 cm	6,000	50	50	2	3,000
lebih 400 cm	10,000	90	75	1	5,000
<b>CICAK</b>					
Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Biawak, Mengkarung untuk 30 cm panjang *	2,100	40	40	3 dewasa atau 10 juvana	350
untuk 50 cm panjang **	2,500	40	40	2 dewasa atau 5 juvana	600
untuk 90 cm panjang ***	7,000	90	60	1	3,500
Biawak untuk 120 cm panjang	10,000	90	90	1	5,000
untuk 200 cm panjang	30,000	150	120	1	15,000



Spesies	Keluasan lantai minimum (cm <sup>2</sup> )	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>KATAK POKOK &amp; TANAH</b>					
kecil	1,800	30	40	3	400
besar	2,500	50	30	6	150
<b>BURUNG SANGKAR "INDOOR"</b>					
<b>Saiz burung cm panjang</b>					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000
<b>BURUNG SANGKAR "Outdoor"</b>					
<b>Saiz burung cm panjang</b>					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
<b>KURA-KURA</b>	<b>KEDALAMAN AIR</b>				
		MINIMUM			
Karapas 0 -10 cm	1,800	30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 cm<sup>2</sup>. Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- \* Kumpulan ini termasuk Mengkarung Bata Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- \*\* Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesies gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback dan Gidgee)
- \*\*\* Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

## Lampiran 2

### **PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN**

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Pembalut tanpa perekat
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forsep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Kasa swab
14. *Penlight*
15. Pensanitasi
16. Pembalut (*Bandage*)

## **Lampiran 3**

### **LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.**

1. Mengenalpasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan.
6. Tanda "Dilarang merokok" ditempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

## Lampiran 4

### VAKSIN ANJING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
<b>Distemper Canine hepatitis berjangkit CAV-1 or CAV-2</b>	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Jangkitan Parvovirus Bordetella</b>	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Attenuated	IH	>2	-	-	Dua Kali Setahun
<b>Parainfluenza</b>	MLV	SC, IM or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Leptospirosis</b>	Inactivated	SC or IM	10-12	14-16	-	Tahunan
<b>Rabies *</b>	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

\* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

### VAKSIN KUCING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
<b>Panleukopenia (FP)</b>	Inactivated	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Penyakit Herpesvirus Type 1 (FAV-1)</b>	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Penyakit Calicivirus (FCV)</b>	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	MLV IN	IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Feline Leukemia (FeLV)</b>	Inactivated	IM	8	2-3 kemudian	2-3 kemudian	Tahunan
<b>Rabies *</b>	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

\* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

\*\* Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV **yang tidak diluluskan** pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies vaksin-terinduksi.

**SC = Bawah kulit, IM = intraotot, IN = intranasal**

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

## NOTA


## NOTA



## NOTA







[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)